

28/05/1998

Kongsi formula negara maju capai kejayaan

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu negara membangun yang sudah menemui formula tepat bagi mencapai kejayaan ekonomi, tidak menyembunyikan formula berkenaan semata-mata untuk kepentingan sendiri.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, mereka perlu berkongsi formula berkenaan secara bijaksana dengan negara lain.

Beliau menyifatkan sebagai satu langkah yang baik bagi mana-mana kerajaan memberi fokus kepada pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat masing-masing.

"Tetapi kejayaan pembangunan ekonomi memerlukan inisiatif dan strategi tertentu. Sesetengah negara membangun ternyata sudah menemui formula yang tepat. Kita tidak sewajarnya menyimpan formula itu untuk diri sendiri sahaja.

"Kita wajar berkongsinya dengan sesiapa sahaja kerana perkongsian adalah bijak. Ia bijak kerana kesejahteraan dan kejayaan sesuatu negara memberi faedah kepada negara lain," katanya dalam ucapan perasmian Mesyuarat Menteri Belia Komanwel di sini, malam ini. Ucapan beliau dibacakan oleh Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri berkata, bagi negara perdagangan seperti Malaysia, memiliki rakan dagangan yang miskin adalah satu keadaan yang tidak baik sama sekali.

"Kami menganggap adalah menjadi kepentingan kami untuk membantu rakan dagangan kami untuk makmur. Ia juga adalah baik bagi rakan dagangan kami dan ia adalah bonus yang mana kami tiada bantahan terhadapnya," katanya.

Bagi menjamin masa depan yang lebih cemerlang, Dr Mahathir meminta negara anggota Komanwel melahirkan generasi baru berwawasan dan berkaliber untuk memimpin dunia.

Beliau berkata, dalam usaha negara Komanwel untuk mencapai kualiti hidup yang lebih baik bagi masyarakatnya, satu set nilai yang baru bagi tamadun yang baru mesti dibentuk.

"Justeru, kita mesti membentuk sebuah generasi baru yang berkaliber dan berwawasan untuk memimpin dunia.

"Belia hari ini adalah pemimpin politik, masyarakat dan korporat pada masa depan. Belia perlu melengkapkan diri masing-masing dengan segala pengetahuan dan kemahiran analitikal.

(END)